

## CABARAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) FASA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN DI KAFA INTEGRASI NAHDHAH AL ISLAM

### *Challenges Of Online Learning Management of Al-Quran and Fardu Ain (Kafa) Classes Phase of The Covid-19 Pandemic: Study in Kafa Integration Nahdhah Al Islam*

Shofiyyah Moidini, Mohd Asmadi Yakob<sup>ii</sup>, Amiratul Munirah Yahaya<sup>iii</sup>, Murihah Abdullah<sup>iv</sup>  
& Hajarul Bahti Zakaria<sup>v</sup>

<sup>i</sup>(Corresponding author). Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

Emel: [shofiyyah@uitm.edu.my](mailto:shofiyyah@uitm.edu.my)

<sup>ii</sup>Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

Emel: [asmadi716@uitm.edu.my](mailto:asmadi716@uitm.edu.my)

<sup>iii</sup>Dr, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Malaysia.

Emel: [amiratul@uitm.edu.my](mailto:amiratul@uitm.edu.my)

<sup>iv</sup>Dr, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia.

Emel: [murihah@fsk.upsi.edu.my](mailto:murihah@fsk.upsi.edu.my)

<sup>v</sup>Dr, Teacher Education Institute, Ilmu Khas Campus, Kuala Lumpur, Malaysia.

Emel: [hajarul@ipgkik.edu.my](mailto:hajarul@ipgkik.edu.my)

<i>Abstrak</i>	<i>Abstract</i>
<p><i>Cabaran kehidupan dalam masyarakat yang pelbagai menghendaki pengurusan di pihak pentadbir menyelaraskan penyampaian ilmu asas agama ini melalui Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Pembelajaran KAFA yang lazimnya dilaksanakan di sekolah agama secara bersemuka terpaksa diubah cara pelaksanaannya secara atas talian ekoran perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi membendung wabak Covid-19. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan membincangkan cabaran pengurusan pembelajaran KAFA secara atas talian semasa fasa pandemik Covid-19. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data dikumpul berdasarkan temubual 2 orang responden daripada Kafa Integrasi Nahdhah</i></p>	<p><i>The challenges of life in a diverse society require the management of the administrators to coordinate the delivery of basic knowledge of this religion through the Al-Quran and Fardu Ain Class (KAFA). KAFA learning which is normally conducted in religious schools face-to-face must be changed the way it is implemented online due to the movement control order (MCO) to curb the Covid-19 pandemic. In this regard, this article aims to discuss the challenges of online KAFA learning management during the Covid-19 pandemic phase. This study is qualitative. The data was collected based on the interviews of 2 respondents from Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam. Data analysis, on the other hand, is carried out by</i></p>

<p><i>Al Islam. Analisis data pula dilakukan secara analisis naratif menggunakan kaedah pengekodan. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perubahan pelaksanaan pengurusan pembelajaran KAFA secara atas talian semasa fasa Pandemik Covid-19. Cabaran yang dihadapi pula termasuklah infrastuktur, kemahiran teknologi, kewangan serta masa dan bebanan tugas. Justeru itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha menangani permasalahan dan memastikan sesi pembelajaran lebih berkesan.</i></p> <p><b>Kata Kunci:</b> Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFA), Pembelajaran Atas Talian, Pandemik</p>	<p><i>narrative analysis using the coding method. The results of this study show that there has been a change in the implementation of KAFA's online learning management during the Covid-19 Pandemic phase. The challenges include infrastructure, technological skills, finance as well as time and taskload. Therefore, all parties must play their respective roles in addressing the problem and ensuring that the learning sessions are more effective.</i></p> <p><b>Keyword:</b> Al Quran and Fardu Ain (KAFA) Classes, Online Learning, Pandemic</p>
--	---

## PENGENALAN

Pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan satu tuntutan agama dalam kerangka pembentukan pelajar-pelajar Islam selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah (JAKIM, 2006). Kelas Pendidikan secara formal ini tertumpu kepada murid-murid di Sekolah Rendah Kebangsaan (Hadi, Abd Latif & Rahman, 2018) dan memberi pengukuhan kepada asas Pendidikan Islam bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia, beramal soleh dan bertakwa (Zainal Abidin, Zain & Hamzah, 2017) dalam mendepani cabaran semasa. Situasi pandemik Covid-19 yang melanda mencetuskan keadaan cemas dan menggusarkan seluruh dunia telah memberi impak yang mendalam terhadap tahap pendidikan rakyat di Malaysia (Adnan & Adnan, 2020) termasuklah Pendidikan KAFA. Pandemik yang melanda telah mengubah landskap pendidikan negara ke arah pembelajaran secara maya (e-learning) melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) (Azizan & Nasri, 2020). Pembelajaran secara maya boleh dijalankan sama ada melalui televisyen, radio mahupun pembelajaran atas talian. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian merupakan medium yang paling popular digunakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan para guru dan murid tidak dapat bersemuka di dalam kelas (Hairia'an & Dzainudin, 2020).

Dalam mendepani pendidikan secara atas talian pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh pihak pentadbir, para guru, ibu bapa dan juga pelajar. Menurut Kumpulan Bertindak Ibu Bapa Bagi Pendidikan (PAGE), para guru dan pelajar tidak bersedia dari sudut fizikal dan mental untuk menghadapi suasana pembelajaran baharu di rumah (Aiman, 2020). Norul' Azmi & Zakaria (2019) menambah kekurangan kemahiran guru agama menggunakan teknologi menjadi kayu ukur ketidaksediaan khususnya guru KAFA bagi menghadapi

PdP era baharu. Namun begitu, Tunku Munawirah, Setiausaha Kehormat Putra menyatakan keberhasilan sesi pembelajaran ini bergantung kepada kerjasama dan usaha individu sama ada para guru (Aiman, 2020), ibu bapa dan pelajar. Apabila berhadapan dengan sesi pembelajaran atas talian, kerjasama sesebuah pihak berkait rapat dengan capaian kemudahan asas seperti alat peranti, kelajuan capaian internet dan juga kewangan untuk melanggan internet. Bertepatan dengan laporan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang menyatakan kapasiti dan keupayaan sesebuah sekolah, guru dan ibu bapa dalam menyediakan kemudahan asas boleh memberi impak pada sesi PdP secara atas talian (Aiman, 2020).

Justeru itu, berdasarkan isu dan permasalahan yang dikemukakan kajian ini bertujuan untuk melihat cabaran pelaksanaan pengurusan pembelajaran KAFA secara atas talian di KAFA Integrasi Nahdhah Al Islam sewaktu fasa Pandemik Covid-19. Antara aspek-aspek yang ditinjau adalah cabaran-cabaran yang berhubung dengan guru, pelajar dan kesempurnaan infrastruktur sekolah.

### **Latar Belakang Kelas Al-Quran Dan Fardu 'Ain (Kafa) Di Malaysia**

Al-Quran dan Fardu Ain merupakan sebahagian daripada ilmu-ilmu asas dalam pengajian Islam yang dipelajari secara tradisi di Malaysia selari dengan kedatangan dan perkembangan Islam di Alam Melayu. Pengajaran ilmu-ilmu asas agama Islam bermula secara tidak formal dengan menggunakan kitab-kitab jawi karangan ulama setempat dan Nusantara dan dilaksanakan di pusat-pusat pengajian seperti di pondok, masjid dan madrasah

Pada tahun 1980, satu kajian telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang diselaraskan oleh Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mendapati ramai kanak-kanak Islam tidak boleh membaca Al-Quran dengan baik dan tidak beramal dengan perkara asas Fardhu Ain. Maka pada tahun 1988, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, telah mengemukakan kepada kerajaan Program KAFA bagi membendung masalah buta huruf dalam kalangan kanak-kanak dan remaja Islam di negara ini. Melihat kepada kepentingan Pendidikan Islam, Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam pada 17 Januari 1989 telah bersetuju supaya rancangan kelas KAFA diadakan di seluruh negara bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun sehingga 12 tahun. Akhirnya, pada awal tahun 1990 Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Program KAFA untuk memperkukuh murid Islam supaya dapat membaca al-Quran dengan baik dan membentuk kemenjadian murid yang cemerlang dunia dan akhirat (Abu Bakar & Che Noh, 2019). Kini agensi utama yang mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan KAFA ialah JAKIM. Objektif penubuhan KAFA adalah untuk:

- a) Mewujudkan suatu sistem kelas pengajian Al-Quran dan fardhu ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh Malaysia.
- b) Memastikan semua kanak-kanak Islam yang berumur tujuh hingga dua belas tahun di negara ini dapat mempelajari dan boleh menguasai bacaan Al-Quran dengan baik.
- c) Memastikan semua kanak-kanak Islam di negara ini dapat mempelajari dan mengamalkan perkara-perkara asas fardhu ain.
- d) Memperkukuh asas pendidikan agama Islam untuk kanak-kanak Islam dalam pendidikan Al-Quran dan fardhu ain. (JAKIM, 2016)

### **Cabaran Pelaksanaan Kelas KAFA Atas Talian**

Beberapa kajian menunjukkan cabaran terbesar pelaksanaan pembelajaran atas talian ialah ketiadaan peranti dan akses internet yang mendatangkan kesukaran bagi pelajar mahupun ibu bapa (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2020). Menurut Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching dalam perbahasan di Dewan Rakyat, hampir 37 peratus pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai sebarang peranti semasa sesi pembelajaran dalam talian. Angka ini menunjukkan sebanyak 1.7 juta pelajar tidak mempunyai sama ada telefon pintar atau Komputer riba yang menjadi peralatan asas semasa belajar dalam talian (Berita Harian, 2020). Isu ini semakin parah apabila Ahmad Johnie Zawawi, Ahli Parlimen Igan menjelaskan selain daripada ketiadaan peranti, isu capaian internet juga harus diberi perhatian terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi menjamin keberkesanan dan kelangsungan pendidikan secara maya yang berterusan. Dianggarkan lebih 40 peratus bersamaan 1.8 juta pelajar di Malaysia tidak mempunyai akses internet (Mahfuz & Azmi, 2021). Bekas Menteri Pendidikan, Maszlee Malik berkata situasi ini boleh mengakibatkan hampir 4.7 juta pelajar tidak dapat bersekolah serta pelajar yang dikategorikan sebagai miskin digital bakal tercicir dalam pengajian mereka (Mahfuz & Azmi, 2021).

Justeru, bagi menjamin keberkesanan pembelajaran KAFA secara atas talian pengurusan yang mantap dan kerjasama yang padu daripada semua pihak amat diperlukan. Justeru, pengurusan yang berkesan melibatkan tanggungjawab membuat keputusan secara individu dan secara usahasama bagi memastikan sistem pendidikan KAFA secara atas talian mencapai matlamat yang dicita-citakan (Othman & Ishak, 2017). Pelaksanaan yang tersusun dan terancang juga berupaya menghasilkan pendidikan secara berkesan (Ahmad Mohamed, 2003). Selari dengan Falsafah Pendidikan Islam untuk melahirkan murid yang mampu berdaya saing, berakhlak tinggi dan berjaya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metod kualitatif (Kothari, 2004) untuk mendapatkan maklumat tentang cabaran pengurusan pembelajaran secara atas talian terhadap KAFA di Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam, Selangor semasa Pandemik Covid 19. Satu temubual diadakan dengan pihak yang berkaitan dengan sekolah Kafa untuk mendapatkan maklumat yang mendalam (Rubin and Rubin, 2011). Kerangka persampelan kajian diambil dari sekolah Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam, Selangor (rujuk Jadual 1). Melalui temu bual, data yang penting diperolehi dalam meneroka persepsi, pengalaman, dan cabaran (Forman & Damschroder, 2007) yang dihadapi pihak berkenaan ketika menjalankan PdP Kafa secara atas talian semasa pandemik.

Sesi temubual dijalankan pada 12 Mac 2021 secara bersemuka di sekolah Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam bersama pihak pengurusan dan guru kerana mereka mengetahui cabaran pengurusan pembelajaran Kafa secara atas talian di sekolah tersebut. Proses temubual dilakukan selama 40 – 60 minit berpandukan protokol temuramah. Soalan temuramah disahkan oleh tiga orang ahli akademik yang pakar dalam bidang pendidikan. Soalan temubual dipecahkan kepada tiga bahagian seperti berikut:

### **A. Pengurusan Kokurikulum Kafa sewaktu musim pandemik.**

Berapakah waktu minima pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kelas Al-Quran dan Fardu Ain KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Apakah bentuk polisi & garis panduan yang dibekalkan oleh pihak Pentadbir kepada guru bagi pembelajaran KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

### **B. Cabaran Pihak Guru**

Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam menjalankan sesi PdP KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Apakah kaedah yang dilakukan oleh pihak Pentadbir sekiranya para guru tiada peranti atau tiada capaian kepada kemudahan internet di rumah semasa pembelajaran KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Adakah para guru berjaya menguasai kemahiran dalam menggunakan peralatan teknologi?

Bagaimanakah bentuk latihan atau kemahiran yang dibekalkan kepada para guru bagi mengasah kepakaran menggunakan peralatan teknologi dan inovasi semasa menjalankan pembelajaran KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Bagaimanakah langkah yang dibuat bagi menangani permasalahan yang terjadi semasa PdP KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

### C. Cabaran Pelajar

Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menjalankan sesi PdP KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Bagaimanakah langkah yang dibuat bagi menangani permasalahan yang terjadi semasa pembelajaran PdP KAFA secara online di Malaysia Fasa Pandemik Covid-19?

Dalam memperoleh kesimpulan yang lebih tepat, data temu bual dianalisis menggunakan analisis naratif (Polkinghorne, 1995). Kaedah ini mengumpulkan dan menganalisis maklumat dari setiap temu bual dan mengekodkan mengikut objektif kajian. Kemudian, perbandingan analisis dilakukan untuk mencari tafsiran yang berupaya menjawab objektif kajian (Lieblich, TuvalMashiach, & Zilber, 1998). Berikut adalah butiran responden:

Jadual 1: Butiran Responden

Responden	Jawatan
A	Guru Besar Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam
B	Guru Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam

Sumber: Penulis

## HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Latar Belakang Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam

Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam ditubuhkan pada tahun 1988 dan dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebelum diambil alih oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Sekolah ini mempunyai 23 orang guru, seorang pembantu am dan 2 orang kerani. Seramai 798 orang pelajar telah mendaftar

meliputi sesi pagi dan petang. Sesi Pagi dikhususkan bagi pelajar tahun 1,2 dan 3 manakala sesi petang bagi pelajar tahun 4,5 dan 6. Awalnya sekolah ini menggunakan silibus yang dibuat oleh pihak JAKIM dan JAIS. Kini hanya menggunakan silibus dari JAIS sahaja dengan kebenaran daripada pihak JAKIM. Menurut Responden A:

*“Sebelum ni, kita guna dua silibus. Tajuk bagi silibus JAKIM dan JAIS sama. Jadi pembelajaran menggunakan silibus JAIS, bila darjah lima baru fokus buku JAKIM yang berkaitan dengan peperiksaan UPKK. Tapi lepas tu hanya guna silibus dari JAIS sahaja”.* Responden A

### **Kelas Al-Quran Dan Fardu 'Ain (Kafa) Secara Atas Talian Di Kafa Integrasi Nahdhah Al Islam Semasa Pandemik Covid-19**

Berikutan penularan wabak Covid-19, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menetapkan setiap pelajar perlu mendapat akses pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan. Oleh itu, pelajar berhak mendapat peluang mengikuti Pendidikan termasuk pembelajaran KAFA meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. Proses penyampaian PdP secara atas talian dibuat menggunakan platform yang pelbagai. Namun begitu terdapat beberapa perubahan yang perlu dibuat bagi menyesuaikan sesi pembelajaran secara atas talian seperti pengurangan mata pelajaran dalam sehari. Menurut Responden A:

*“Sesi pembelajaran biasa ialah selama 30 minit setiap subjek dan satu hari ada 5 subjek. Tapi masa PKP masa pembelajaran masih 30 minit setiap subjek Cuma daripada 5 subjek kita kurangkan kepada 3 subjek.”*  
Responden A.

Selain itu, bagi membantu para guru melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai alternatif pembelajaran norma baharu, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyusun semula Manual PdPR yang dibangunkan oleh KPM bertarikh 2 Oktober 2020 untuk disesuaikan dengan pengoperasian di sekolah-sekolah Agama Negeri (SAN) Selangor. Menurut Responden A:


*“Pihak JAIS ada bekalkan garis panduan semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah musim PKP. Sebanyak 24 muka surat. Bagi tahu apa*

yang perlu guru buat, platform yang boleh digunakan serta etika semasa mengajar..." Responden A.

Pihak pentadbir pula bertindak mengadakan mesyuarat penyelarasan maklumat dan menyusun jadual PdP dengan mengambil kira bilangan kelas yang beroperasi dan kesediaan guru serta pelajar, melakukan semakan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) bagi menyusun semula perancangan PdP, melaksanakan pemantauan PdP, memberikan motivasi kepada guru untuk memastikan para guru terus bersemangat walaupun harus melalui proses pengajaran dengan norma baharu agar sesi pembelajaran dapat dilaksanakan secara berkesan.

### **Cabaran Kelas Al-Quran dan Fardu 'Ain (Kafa) secara atas Talian Semasa Pandemik Covid-19**

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian merupakan satu perubahan besar yang berlaku dalam Pendidikan negara pada abad ke-21. Pandemik Covid menjadikan gaya penyampaian pendidikan perlu disesuaikan dan diterima pakai oleh semua pihak secara keseluruhannya termasuklah pihak pengurusan, para guru, pelajar, juga ibu bapa. Berdasarkan kepada temubual yang dilakukan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pendidikan secara atas talian boleh diklasifikasikan kepada beberapa aspek seperti cabaran dari aspek infrastruktur dan fasiliti, kewangan, kekangan masa dan bebanan tugas serta kemahiran teknologi. Cabaran boleh dilihat berdasarkan Rajah 1 dibawah.



Rajah 1: Cabaran Pembelajaran atas talian terhadap Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Selangor Fasa Pandemik Covid-19.

Sumber: penulis

#### **a. Cabaran dari aspek infrastuktur dan fasiliti**

Cabaran dari aspek infrastruktur dan fasiliti sering dihadapi oleh para guru dalam berdepan PdP atas talian. Penyediaan terhadap kedua-dua aspek



tersebut berperanan penting untuk memenuhi keperluan para guru untuk melaksanakan tugas harian mereka (Mohamad, 2020). Menurut responden para guru berhadapan dengan masalah internet yang perlahan untuk menjalankan sesi pembelajaran secara atas talian.

*"Cabaran bagi guru ialah internet perlahan sebab kebanyakan para guru hanya guna data sendiri"* Responden A.

Responden B menambah, para guru KAFA yang mempunyai masalah dari sudut peranti mahupun internet akan ke sekolah untuk menggunakan peralatan yang disediakan oleh pihak sekolah. Namun mereka perlu bergilir-gilir menggunakannya kerana peralatan seperti komputer terhad hanya kepada beberapa buah sahaja.

*"Sekiranya para guru tiada laptop atau komputer mereka akan ke sekolah untuk menggunakan komputer. Tapi berdasarkan siapa cepat dia dapat disebabkan komputer hanya ada dalam tiga buah sahaja. Dan para guru juga ada masalah dari sudut capaian internet kerana kebanyakan para guru hanya menggunakan data sendiri."* Responden B.

Kebanyakan sekolah tidak mendapat peralatan teknologi yang sempurna atau mencukupi seperti komputer. Tanpa infrastruktur yang lengkap guru dan murid – murid menghadapi masalah dalam menjalankan pembelajaran atas talian mengikut abad 21 (Subramaniam & Hamzah, 2020). Cabaran ini turut dihadapi oleh pelajar KAFA. Para pelajar berdepan dengan masalah capaian internet dan masalah peranti. Dua fasiliti ini merupakan keperluan utama untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian (Iftakhar, 2016). Menurut responden:

*"Cabaran pelajar antaranya kekurangan peranti. Pelajar terpaksa berkongsi dengan adik beradik yang lain"* Responden A.

*"Beberapa pelajar menghadapi masalah internet terutama yang kurang berkemampuan. Ada juga yang mempunyai adik beradik yang ramai dan terpaksa berkongsi telefon untuk menyertai kelas KAFA atas talian"* Responden B.

Kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi dapat memberi kemudahan untuk para pelajar mahupun guru menjalankan aktiviti PdP. Dalam kajian Subramaniam & Hamzah (2020) dan Husin (2021), masalah kekurangan infrastuktur yang lengkap dan kelajuan capaian internet yang perlahan menjadi punca para pelajar kurang berminat dengan PdPs atas talian.

Seterusnya para pelajar akan mula beranggapan sesi pembelajaran sebegini membuang masa dan membantutkan minat untuk belajar secara lebih mendalam. Justeru cabaran infrastruktur sangat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran atas talian (Najib, Bakar & Othman, 2017).

Langkah yang boleh dilakukan adalah pihak kementerian perlu membantu para guru dan pelajar untuk menyediakan apa jua kemudahan infrastruktur yang diperlukan supaya sesi PdP secara maya ini dapat diteruskan. Seterusnya hasrat untuk mendigitalkan sektor pendidikan negara atau e-pendidikan dapat direalisasikan (Mohamad, 2020). Ini dapat dibuktikan apabila terdapat beberapa buah negara mengambil inisiatif tambahan untuk menyebarkan peranti kepada pelajar bagi meningkatkan akses ke kelas dalam talian (Wan, 2020). Misalnya, negara China, Finland dan United States memberi ruang kepada para pelajar dengan memberi pinjam alat digital dari pihak sekolah bagi tujuan memudahkan pelajar mengakses platform pembelajaran dalam talian. Malah, terdapat beberapa buah syarikat swasta, badan NGO serta individu perseorangan turut bekerjasama dalam menyumbang peranti kepada golongan pelajar yang benar-benar memerlukan (Leong, 2021). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga memperkenalkan program MyBAIKHATI dengan kerjasama syarikat telekomunikasi untuk membuat program crowdcourcing peranti. Melalui program ini kutipan peranti terpakai seperti komputer riba akan di buat dan dibaik pulih sebelum di agihkan kepada Pusat Internet komuniti dan Pertubuhan Komuniti (Pakej Bantuan Khas, 2021).

Selain itu, para guru juga boleh saling membantu untuk meminimumkan masalah yang dihadapi dengan menambah baik proses PdP KAFA atas talian. Antara penambahbaikan yang boleh dibuat ialah penjadualan kelas yang lebih flaksibel dan rakaman pembelajaran yang boleh diakses pada bila-bila masa (Subramaniam & Hamzah, 2020). Melalui cara ini para pelajar yang tidak dapat mengakses maklumat disebabkan masalah peranti mahupun internet boleh melihatnya pada waktu yang sesuai malah boleh mengulang tayang kandungan pembelajaran tersebut. Oleh demikian, cabaran fasiliti dan infrastruktur perlu diberi penekanan dan pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi mengurangkan jurang digital yang berlaku seterusnya memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan tanpa sebarang halangan.

### **b. Cabaran dari aspek kewangan**

Cabaran kewangan turut dihadapi dalam menjalankan sesi pembelajaran Kafa secara atas talian. Cabaran ini berkait rapat dengan masalah akses internet dan infrastruktur yang dihadapi oleh para pelajar. Kebanyakan pelajar yang menghadapi masalah internet adalah dari kalangan B40. Responden A dan Responden B menyatakan hal yang sama.

*“Setakat ini kebanyakan pelajar tidak mempunyai masalah berkaitan peranti dan internet. Cuma terdapat beberapa pelajar B40 yang terhad dalam penggunaan data. Data internet yang diberikan kerajaan tidak mencukupi sekiranya bilangan adik beradik beradik bersekolah ramai”* Responden A.

*“Ibu bapa mengadu, anak-anak mereka menghadapi masalah internet terutama yang kurang berkemampuan.”* Responden B.

Proses pembelajaran atas talian sememangnya memerlukan pelajar untuk mempunyai data internet yang mencukupi. Mereka membelanjakan wang untuk membeli internet (data) seterusnya mengakses kelas dalam talian, membuat tugas, kerja rumah dan sebagainya (Battaglino, Haldeman & Laurans, 2012; Aziz et. al, 2020).

Antara inisiatif pihak kerajaan bagi mengekang masalah ini melalui Bantuan Data Internet dan wifi percuma yang berkapasiti 1GB dengan internet yang kelajuan tinggi. Bantuan ini akan dinikmati oleh semua pelanggan pascabayar dan prabayar Digi, UMobile Malaysia, Unifi, Time Maxis dan Celcom sepanjang tempoh PKP 2021 (Pakej Bantuan Khas, 2021). Bantuan ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh para guru, pelajar dan ibu bapa bagi tujuan PdP atas talian. Bantuan daripada telekomunikasi dan badan-badan NGO dan semua pihak sangat diperlukan dalam mendepani cabaran kewangan dan menjayakan PdP atas talian. Pihak SKMM turut menjelaskan beberapa pakej langganan khas kepada para pelajar yang ditawarkan oleh syarikat komunikasi seperti data 15 GB dengan harga serendah RM20 sebulan dan kad sim percuma dengan data sebanyak 40 GB, kandungan percuma serta telefon percuma untuk pelajar daripada keluarga B40 (Arifin, 2021).

### **c. Cabaran dari aspek masa dan bebanan tugas**

Para guru dan murid-murid memperuntukkan masa yang lebih lama untuk persediaan mengajar dan menyiapkan tugas yang diberikan bagi setiap mata pelajaran dalam sesi pembelajaran secara e-learning. Sebelum kelas

berlangsung, para guru perlu memikirkan cara yang kreatif dan boleh menarik minat pelajar untuk menjalankan kelas atas talian. Tambahan pula sebahagian masa digunakan untuk membalas pertanyaan ibu bapa sehingga larut malam memandangkan mereka bekerja pada siang hari. Perkara ini secara tidak langsung turut menambah bebanan tugas yang perlu dihadapi oleh para guru. Menurut responden B:

*"...kejar silibus satu dan nak kena belajar cara pelaksanaan, nak kena kreatif, nak kena tarik minat pelajar makan masa yang lama juga la... Kadang-kadang tengah malam ada ibu bapa yang mesej bertanyakan tentang tugas dan masih lagi berurusan dengan para guru...Para guru rela hati untuk membuka ruang group whatsapp kepada dua hala agar memudahkan ibu bapa bertanya atas sifat ehsan."* Responden B.

Selain itu, para guru mendapat aduan dari ibubapa yang menyatakan masa pembelajaran pelajar bertembung dengan Sekolah Kebangsaan, menyebabkan kehadiran pelajar ke kelas KAFA berkurangan kerana menumpukan Sekolah Kebangsaan. Kedua-dua responden menyatakan perkata yang sama.

*"..Pelajar menghadapi masalah sebab masa bertembung dengan sekolah kebangsaan. Dan ibu bapa yang bekerja menyebabkan pelajar tak boleh hadir ke kelas dan buat kerja sebab peranti digunakan oleh ibu bapa, Apabila ibu bapa habis bekerja baru pelajar boleh mula buat tugas."* Responden A.

*"...Ibu bapa complaint masa pembelajaran bertembung dengan sekolah kebangsaan, Jadi, kehadiran pelajar ke kelas KAFA berkurangan dan lebih menumpukan tugas sekolah kebangsaan..."* Responden B.

Sebelum memulakan sesi PdP, penting bagi pihak sekolah untuk mengatur jadual pembelajaran yang tersusun dan fleksibel dengan mengambil kira kekangan yang bakal dihadapi oleh para pelajar. Para guru pula perlu mempunyai pelan rancangan pengajaran supaya lebih fokus dalam menyediakan bahan pengajaran yang dikehendaki. Seterusnya memikirkan tugas yang sesuai dan mudah untuk dilakukan oleh pelajar serta senang untuk disemak oleh para guru. Justeru masa dapat diatur dengan lebih baik dan melakukan sesi PdP mengikut keutamaan serta mengelakkan bebanan tugas yang berlebihan.

#### **d. Cabaran dari aspek kemahiran teknologi**

Kemahiran teknologi merupakan elemen penting bagi menjayakan pendidikan Kafa secara atas talian. Kebanyakan para guru tidak bersedia dari sudut mental dan fizikal untuk menjalankan PdP secara atas talian ekoran kekurangan dari sudut kemahiran teknologi. Perkara ini diakui oleh kedua-dua responden dalam mendepani fasa PdPr semasa pandemik melanda.

*“Atas inisiatif para guru sendiri, mereka belajar sesama sendiri untuk menggunakan teknologi. Guru-guru yang senior belajar dengan rakan-rakan yang lebih muda secara perlahan-lahan..”* Responden A

*“Macam saya baru berjinak dengan internet dan teknologi. Saya kurang memahami dan kurang mahir dengan benda-benda tu. Jadi dengan kawan-kawan kita belajar. Kebetulan ada 2 orang cikgu yang pandai IT dan kita rujuk dengan mereka. Dan inisiatif ini adalah usaha sendiri bukan daripada pihak atasan atau pengurusan. Biasanya pada hari guru IT tersebut datang untuk bertugas dan kita datang sekali untuk belajar dan rujuk dengan dia. Pada hari tersebut para guru yang berkelapangan dan ingin join akan datang...Dan ada juga ustazah yang mahir dan tahu melalui anak mereka sendiri. Anak-anak mereka bersekolah di sekolah menengah sudah tahu macam mana nak menggunakan youtube, rakan suara dan nak simpan melalui youtube bagaimana.”* Responden B

Amala & Geetha (2020) dalam kajiannya menyatakan ramai guru yang kurang mahir akan menghadapi cabaran untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran dengan berkesan. Tahap penguasaan teknologi yang rendah dalam kalangan pendidik menyebabkan penyampaian pembelajaran atas talian kepada pelajar kurang memuaskan (Rusdiana et al, 2020) termasuk di sekolah Kafa. Berbeza dengan para pelajar yang tidak mempunyai kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan teknologi dan cara pembelajaran secara atas talian.

Namun begitu, kesediaan guru untuk melaksanakan sesi pembelajaran atas talian adalah berada pada tahap yang tinggi (Kuppusamy & Norman, 2021). Cabaran dari sudut kemahiran ini boleh diatasi apabila para guru mempunyai semangat yang tinggi mempelajari teknologi bagi menjalankan aktiviti PdP atas talian. Menurut Kuppusamy & Norman (2021) tahap kemahiran guru menggunakan teknologi boleh ditingkatkan melalui bengkel kemahiran pembelajaran dalam talian. Selain itu, sikap saling membantu dan

berkongsi kemahiran terutama dalam kalangan guru muda pula sangat wajar dipuji. Dalam usaha mendokong usaha kerajaan menjalankan pendidikan secara atas talian, para guru yang celik IT memberi tunjuk ajar kepada para guru termasuklah yang berlaku kepada guru KAFA.

Justeru itu, bagi meningkatkan tahap penguasaan para guru terhadap kemahiran teknologi, pihak pengurusan perlu menyediakan kursus kemahiran pengajaran dalam talian selain daripada kursus pedagogi. Selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, untuk meningkatkan kompetensi dan pembangunan profesional pihak berkepentingan berkaitan kepimpinan dan pengintegrasian teknologi digital dalam pendidikan (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2021).

## **KESIMPULAN**

Pendidikan merupakan hak dan keperluan masyarakat untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik. Pendidikan Islam yang menekankan asas ilmu Al-Quran dan fardhu 'ain adalah penting bagi umat Islam. Secara umum, perkembangannya telah menjalani suatu tempoh yang lama dan pihak kerajaan berperanan melaksanakan Pendidikan KAFA di seluruh Malaysia. Rentetan penyebaran Covid-19, menuntut usaha dari semua pihak bagi menyediakan keperluan pendidikan al-Quran dan fardhu 'ain kepada semua pelajar. Dengan perkembangan teknologi semasa, akses pendidikan Al-Quran dan fardhu ain lebih mudah berlaku, namun kekangan semasa seperti kekurangan infrastuktur, kemahiran teknologi, kewangan dan masa perlu diatasi dengan sebaiknya agar sesi PdP dapat berjalan dengan berkesan walaupun secara atas talian. Terdapat beberapa permasalahan yang perlu diberi perhatian khususnya dari pihak pengurusan seperti Guru Besar, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha menangani permasalahan yang berlaku.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini dibiayai oleh UiTM dibawah GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN ACIS 2021(GPD ACIS) dengan nombor fail RS12021GRN78RN012 yang bertajuk "Kajian Perbandingan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) antara Sekolah Bandar dan Luar Bandar semasa Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia."

## RUJUKAN

- Abu Bakar, M. & Che Noh, M. A. (2019), Trait Personaliti Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (Kafa) Dalam Pembentukan Akhlak Murid, *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK 4)*
- Aiman, A. (2020, November 9). Kanak-kanak tidak bersedia untuk pembelajaran di rumah, kata ibu bapa. Retrieved from Free Malaysia Today:  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2020/11/09/kanak-kanak-tidak-bersedia-untuk-pembelajaran-di-rumah-kata-ibu-bapa/>
- Amala, J., & Geetha, S. (2020). Surrogation of classroom teachers by artificial intelligence and Google Classroom. *Studies in Indian Place Names (UGC Care Journal)*, 40(30), 4-7.
- Arifin, L. (2021, Februari 2). Manfaat data internet percuma untuk PdPR. Retrieved from BH Online:  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/782121/manfaat-data-internet-percuma-untuk-pdpr>
- Aziz, A., Shafie, A., Lee, U., & Ashaari, R. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30.
- Battaglino, T., Haldeman, M., & Laurans, E. (2012). The costs of online learning. *Education reform for the digital era*, 1, 1-13.
- Berita Harian. (2021, Januari 18). Ucapan penuh PM: Pakej Bantuan Khas. Retrieved from BH Online:  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/777537/ucapan-penuh-pm-pakej-bantuan-khas>
- Berita Harian. (2020, November 23). 1.7 juta pelajar hadapi 'miskin digital'. Retrieved from Berita Harian:  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/757190/17-juta-pelajar-hadapi-miskin-digital>
- Forman, J., & Damschroder, L. (2007). *Qualitative Content Analysis*. Empirical methods for bioethics: A primer, 11: 39-62.
- Hadi, A. Z. S. A., Abd Latif, M. A. N., & Rahman, M. H. A. (2018). Visualisasi Maklumat Berkomputer Dalam Memperkasakan Pengajaran Kelas Agama Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim Di Peringkat Sekolah Rendah. *Sains Humanika*, 10(3-4).
- Hairia'an, N., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.

- Husin, N. (2021). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *Jurnal Pengajian Islam*, 106-120.
- Iftakhar, S. (2016). Google classroom: what works and how. *Journal of Education and Social Sciences*, 3(1), 12-18.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran, (2020). Cabaran Pembelajaran Online – Cadangan Mengatasinya. <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology: Methods and techniques*. New Age International, New Delhi, India.
- Kuppusamy, Y., & Norman, H. (2021). Kemahiran Teknologi dan Kesediaan Melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Era Pandemik Dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah Tamil. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 428-441.
- Leong, I. (2021, Januari 23). 'Jika rakyat Malaysia derma RM2, sudah cukup bantu Ebit Lew beli tablet pelajar'. Retrieved from AstroAwani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jika-rakyat-malaysia-derma-rm2-sudah-cukup-bantu-ebit-lew-beli-tablet-pelajar-279451>
- Lieblich, A., Tuval-Mashiach, R., & Zilber, T. (1998). *Narrative research: Reading, analysis, and interpretation*, 47, SAGE, London, New Delhi.
- Manual Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sekolah-Sekolah Agama Negeri, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor. Feb 2020
- Mohamad, N. (2020). Guru Dan Cabaran Norma Baharu. Retrieved from Solidaritas: <https://solidaritas.my/guru-dan-cabaran-norma-baharu/>
- Najib, H., Bakar, N., & Othman, N. (2017). E-pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi Selangor. *Attarbiyy: Malaysia Online Journal of Education*, 1(1), 74-82.
- Othman, M., & Ishak, M. (2017). Tinjauan pelaksanaan pengurusan pendidikan agama islam di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina daerah kota setar. *O-jie: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 12-19.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2021, Mac 1). Teks Ucapan Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin. Retrieved from Pejabat Perdana Menteri Malaysia: <https://www.pmo.gov.my/ms/2021/03/teks-ucapan-di-majlis-amanat-perdana-setahun-malaysia-prihatin-2/>
- Polkinghorne, D. E. (1995). Narrative Configuration in Qualitative Analysis. *International journal of qualitative studies in education*, 8(1): 5-23.
- Rubin, H. J., & Rubin, I. S. (2011). *Qualitative Interviewing: The Art of Hearing Data*, SAGE, Los Angeles, London, New Delhi, Singapore, Washington.
- Rusdiana, A., Suryana, Y., Hidayat, A., & Mu'in, A. (2020). POE2WE Learning Management Based on Google Classroom Blended Learning (Alternative



- Models in Learning during WFH Pandemic Covid-19). *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(8), 4994-5005.
- Subramaniam, R., & Hamzah, M. (2020). Amalan Kepimpinan Teknologi Guru Besar Serta Cabaran Dan Cadangan Penambahbaikan Di Sekolah. (Webinar) *Seminar Nasional Pendidikan 2020*, 1(1), 281-294.
- Zainol Abidin, R., Zain, A. M & Hamzah, M. H. (2017) Permasalahan Dalam Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Di Daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2 (6), 70-82.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*